

# Kesediaan Kemahiran Literasi ICT dalam Kalangan Pelajar Orang Asli

Nor Syazwani Mat Salleh

Rossen Din

Intan Farahana Kamsin

Siti Zuraida Abdul Manaf

Analisa Hamdan

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

[norsyazwanimalsalleh@gmail.com](mailto:norsyazwanimalsalleh@gmail.com)

**Abstrak:** Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) menjelaskan kepentingan bagi merapatkan jurang pencapaian pendidikan di antara kanak-kanak berdasarkan pelbagai latar belakang. Hal ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana pelajar orang asli bersedia untuk menggunakan ICT dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini meneliti dan meninjau pengetahuan, kemahiran dan kesediaan literasi ICT dalam kalangan pelajar orang asli. Data kajian dikumpul melalui penggunaan satu set instrumen kesediaan literasi ICT melibatkan pelajar orang asli di Mantin, Negeri Sembilan. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan majoriti pelajar orang asli mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran literasi ICT yang rendah. Dapatan kajian membawa implikasi kepada keperluan penggunaan ICT dalam kehidupan seharian pelajar orang asli.

**Kata Kunci:** Kemahiran literasi, ICT, Orang Asli

## PENGENALAN

Perkembangan pemikiran dan minda pelajar khususnya, perlu diubah kepada pemikiran penyelidikan, mengumpul maklumat, menganalisis data ke arah menggalakkan kreativiti dan motivasi pelajar (Abdul Said Ambotang, 2014; Norasyikin dan Mohamad Marzizi, 2011). Jika dahulu takrif literasi merupakan kebolehan seseorang dalam membaca dan menulis, namun keadaan ini telah berubah (Abd Razak & Nurul Aliyah, 2010). Pada abad ke-21 ini kebolehan seseorang dalam membaca dan menulis semata-mata adalah tidak mencukupi. Dalam konteks itu, tahap literasi yang lebih tinggi untuk menguasai sesuatu ilmu yang baru amat diperlukan dalam diri setiap individu (Norhasni, 2014; Yahya & DK. Suzanawaty, 2014). Selaras dengan abad ke-21 ini, definisi literasi telah berubah seiring dengan perkembangan teknologi yang menjadi satu keperluan dalam kehidupan pada masa kini. Kemahiran literasi ini tidak hanya untuk masyarakat arus perdana sahaja malah sangat penting bagi masyarakat peribumi dan orang asli di pedalaman dan perkampungan.

## **PENYATAAN MASALAH**

Masalah buta literasi komputer perlu diatasi melibatkan kemahiran, sikap serta pengetahuan dalam penggunaannya. Berdasarkan latar belakang masalah dan persoalan yang timbul, pengkaji ingin mendapatkan maklumat mengenai tahap literasi ICT dalam kalangan pelajar orang asli. Selain itu, kajian yang dibuat adalah untuk meninjau dan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi tahap literasi pelajar orang asli. Sekiranya pelajar Orang Asli ingin memanfaatkan sepenuhnya potensi dan kelebihan ICT terutama di dalam persekitaran, infrastruktur dan ekonomi mereka, mereka perlu cukup bersedia dalam ketiga-tiga aspek tersebut. Kesediaan ICT pelajar Orang Asli adalah penting dan kritikal bagi menjayakan hasrat untuk melakukan transformasi terhadap perkampungan Orang Asli agar tidak jauh ketinggalan dari masyarakat arus perdana lain. Kajian literatur menunjukkan masih kurang kajian empirikal tentang kesediaan literasi ICT dijalankan mengenai pelajar Orang Asli khususnya dalam kemahiran literasi ICT.

## **KAJIAN LITERATUR**

ICT membantu para guru dalam mengubah cara mereka mempersembahkan bahan pengajaran kepada kaedah pengajaran yang lebih efektif (Gani dan Clemes, 2006; Kenny 2002). ICT juga membantu proses pembelajaran dalam kelas menerusi bantuan alat pengajaran yang interaktif (Musa Abu Hassan, 2008). Cara ini sekaligus dapat menambahkan minat para pelajar, dalam pada masa yang sama meningkatkan kemahiran asas mereka menggunakan kemudahan ICT di sekolah. Penggunaan pelbagai sumber multimedia seperti televisyen, video dan perisian komputer menawarkan suasana pembelajaran yang lebih efektif dan efisien kepada para pelajar di semua peringkat. Menurut Hakansson dan Deer (2006), antara isu yang dibincangkan semasa Persidangan Informasi Sejagat (*World Summit Information Society*) adalah berkenaan menjaga hak-hak kaum peribumi dengan gerbang informasi dan hak mereka untuk mengakses kemudahan ICT dan jaringannya. Dari aspek pendidikan, mereka mencadangkan pendidikan jarak jauh kepada mereka dimana pembelajaran boleh dilaksanakan di rumah. Ini memandangkan mereka tinggal jauh di pedalaman. Akan tetapi, interaksi dengan komuniti luar juga diperlukan bagi memastikan maklumat dapat disampaikan dengan berkesan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara amnya, kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu:

- i. Mengetahui pengetahuan ICT dalam kalangan pelajar Orang Asli
- ii. Mengetahui pengetahuan literasi ICT dalam kalangan pelajar Orang Asli
- iii. Meneliti pengetahuan kemahiran asas Internet dalam kalangan pelajar orang asli

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian mengenai tahap literasi komputer dalam kalangan pelajar orang asli perlu dijalankan bagi mengenal pasti tahap penerimaan dan persediaan mereka dalam menggunakan teknologi maklumat. Faktor-faktor yang mempengaruhi tahap literasi komputer pelajar orang asli juga turut dikenalpasti. Secara tidak langsung kemahiran literasi ini akan mempengaruhi pembelajaran dan kehidupan seharian mereka. Data dan maklumat yang diperolehi daripada kajian ini akan memberikan kepentingan kepada pelbagai pihak seperti pengkaji, Fakulti Pendidikan UKM, serta negara Malaysia. Kajian ini penting kepada pengkaji untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi penggunaan ICT dalam kalangan para pelajar orang asli. Pengkaji juga berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang tahap literasi pelajar orang asli berdasarkan kemahiran kognitif dan kemahiran teknikal sepanjang mereka menjalani proses P&P dalam program literasi.

Dalam hal ini, pengkaji dapat mengetahui sejauh manakah tahap literasi pelajar sepanjang mereka mengikuti program literasi yang dijalankan. Kajian ini penting kepada negara Malaysia kerana dengan kajian-kajian berkaitan dengan ICT seperti ini akan mewujudkan kesedaran dalam kalangan komuniti orang asli terhadap kepentingan penggunaan ICT dan aplikasinya dalam bidang kerjaya di Malaysia. Mereka dapat menyiapkan diri sebagai modal insan atau tenaga kerja yang berdaya saing di era globalisasi ini setanding masyarakat arus perdana yang lain. Perkara ini akan menguntungkan negara Malaysia kerana kelayakan pelajar orang asli yang bersaing untuk mendapat pekerjaan akan bertambah baik dan berkualiti seterusnya, memantapkan bidang pendidikan dan sektor industri lain, seiring dengan negara-negara maju.

## **REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian adalah satu rancangan, struktur dan strategi yang merupakan landasan bagi penilaian hipotesis. Reka bentuk kajian mempunyai dua tujuan, pertama membenarkan pengkaji mencari kaedah yang sesuai untuk menjalankan penyelidikan. Ini bermakna pengkaji menentukan pembolehubah dan cara bagaimana pembolehubah itu ditakrif dan dikendalikan. Kedua reka bentuk kajian menentukan tatacara yang termurah bagi menjawab persoalan penyelidikan. (Syed Arabi Idid, 1992).


Reka bentuk kajian ini adalah melibatkan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif iaitu satu kajian soal selidik yang akan menerangkan persoalan bagi suatu fenomena yang sedang berlaku dan juga seringkali bermatlamat untuk meneroka suatu bidang yang belum atau kurang dikaji (Mohd Majid, 1994). Data-data kajian diperolehi dan dikumpul daripada soal selidik yang diedarkan kepada sampel atau responden. Data-data ini kemudiannya dianalisis secara kaedah statistik deskriptif.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian telah mendedahkan beberapa pola yang menarik terutama proses pembudayaan pelajara Orang Asli untuk ICT. Dalam kajian ini, terdapat tiga elemen utama yang akan dibincangkan.

### Pengetahuan terhadap teknologi

Beberapa soalan dikemukakan kepada responden untuk mengetahui pola penggunaan ICT dalam kalangan pelajar Orang Asli (Jadual 1).




Jadual 1 Pengetahuan terhadap penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian

Berdasarkan Jadual 1, didapati majoriti pelajar Orang Asli mempunyai pengetahuan penggunaan teknologi ICT yang rendah. Kekerapan mereka terhadap teknologi ICT sangat rendah bagi penggunaan Internet di rumah iaitu ke semua pelajar Orang Asli yang ditanya 23 orang (100%) tidak menggunakan Internet di rumah dalam kehidupan mereka. Manakala, kekerapan menggunakan telefon bimbit dalam kalangan mereka adalah paling seimbang iaitu 10 orang (43.0%). Oleh yang demikian, dapat dirumuskan disini bahawa ke semua pelajar Orang Asli mengetahui penggunaan teknologi tersebut.

### Pengetahuan mengenai Literasi Komputer

Bahagian ini menjawab persoalan kajian kedua iaitu pengetahuan mengenai literasi komputer penggunaan dalam kalangan pelajar Orang Asli.




Jadual 2 Pengetahuan Kemahiran Aplikasi Literasi ICT

Berdasarkan Jadual 2 didapati secara keseluruhannya rata-rata pelajar Orang Asli mengetahui nama pada bahagian-bahagian komputer iaitu seramai 14 orang (61.0%). Manakala, Jadual 2 ini juga menunjukkan mereka sangat lemah dari segi kemahiran asas ICT. Kemahiran asas ICT yang dimaksudkan adalah seperti penggunaan pemprosesan perkataan (*word processor*), grafik dan multimedia, pengiraan serta penggunaan Internet. Ke semua program aplikasi komputer berada pada tahap pengetahuan yang sangat rendah. Ini membuktikan bahawa secara kasarnya, pelajar Orang Asli tidak tahu mengenai perisian yang ada dalam komputer dan penggunaannya.

### **Pengetahuan menggunakan komputer dan mengakses internet**

Dalam kajian ini tahap pengetahuan terhadap mencari maklumat dari Internet dibahagi kepada pengetahuan mencari maklumat daripada Internet dan pengetahuan mengakses laman web.



Jadual 3 Pengetahuan Kemahiran Asas Internet

Dapatan kajian ini mendapati majoriti pelajar Orang Asli langsung tidak menguasai kebolehan untuk berkomunikasi dengan orang lain melalui *e-mail* (18 orang = 78.0%) dan alat rangkaian yang lain seperti laman sosial (14 orang = 61.0%). Perisian pencarian maklumat melalui Internet dan perisian mel elektronik tidak kerap digunakan oleh pelajar Orang Asli. Rata-rata antara mereka tidak pernah langsung menggunakan Internet sebagai satu alternatif dalam memudahcara kehidupan seharian mereka. Pelajar Orang Asli ini tidak pernah menggunakan Internet bagi transaksi atas talian, menghasilkan laman web dan menggunakan perisian yang jarang digunakan. Kesimpulannya, kebolehan berkomunikasi menggunakan *e-mail* boleh dikatakan sebagai kemahiran asas ICT yang perlu ada pada setiap individu pada masa kini.

## KESIMPULAN

Minat, pengetahuan, kemahiran dan kesediaan mengguna serta mengintegrasikan ICT di tahap awal pendidikan adalah sangat penting dalam membentuk dan menaik taraf pendidikan dalam kalangan pelajar orang asli agar tidak mundur berbanding arus perdana yang lain di negara ini. Secara keseluruhannya, boleh dirumuskan bahawa di sekolah, budaya literasi maklumat dalam kalangan pelajar Orang Asli masih belum menular walaupun proses mengajar dan belajar menggunakan teknologi tersebut telah bertapak. Penguasaan pelajar terhadap literasi komputer, penggunaan komputer untuk

mencapai sesuatu objektif, mengedar dan berkongsi juga untuk menjadi perantara ilmu secara global masih terbatas.

## RUJUKAN

- Abd. Razak bin Idris & Nurul ‘Aliyah Binti Hassan. (2010). Literasi Ict Dalam Kalangan Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan Utm Skudai, Johor. Artikel Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from [http://eprints.utm.my/10245/2/Nurul\\_G%C3%87%C3%BFAliyah\\_Binti\\_Hassan.pdf](http://eprints.utm.my/10245/2/Nurul_G%C3%87%C3%BFAliyah_Binti_Hassan.pdf)
- Abdul Said Ambotang. (5 Mac 2014). Menerapkan Kemahiran Berfikir. Utusan Malaysia. <http://eprints.ums.edu.my/8398/1/nc0000003879.pdf>
- Gani, A. & Cledes, M. D. (2006). Information and Communications Technology: A Non-income Influence on Economic Well Being. *International Journal of Social Economics*, 33 (9), 649-662.
- Hakansson, A.K & Deer K. (2006). Indigeneous People and ICT: Millenium Development Goal 8 and the Information Society. Canada. Retrieved January 22, 2010 from <http://unpan1.un.org/intradoc/groups/public/documents/gaid/unpan033376.pdf>
- Kenny, C. (2002). Information and Communication Technologies for Direct Poverty Alleviation: Cots and Benefits. *Development Policy Review*, 20 (2), 141-157.
- Mohd Majid Konting. (1994). “Kaedah Penyelidikan Pendidikan.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musa Abu Hassan.(2008). Inaugural Lecture Series; Memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk Semua. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Norasyikin Bte Mohd Zaid dan Mohamad Marzizi Bin Ab Majid. 2011. Pembinaan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) bagi tajuk Penghasilan Montaj menggunakan aplikasi perisian Adobe Premiere Pro CS3. Artikel Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Norhasni Zainal Abiddin. (2014). Senario Pembangunan Modal Insan dalam Pendidikan Tinggi di Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 4(1), 95-104. Retrieved from [http://atikan-jurnal.com/wp-content/uploads/2014/06/09.nonie\\_upm\\_my\\_6.14.pdf](http://atikan-jurnal.com/wp-content/uploads/2014/06/09.nonie_upm_my_6.14.pdf)
- Syed Arabi Idid. (1992). Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya Othman, and DK. Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berasaskan projek dalam penulisan berbentuk risalah di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 4 (1), 19-29.